# KUALITI

Edisi Januari - Jun 2025




Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

*MeQKU 2025*

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam PTj bersama Ketua Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



eISSN 2976-2596

9 772976 259003




Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Perancangan Audit Dalam Korporat Bil. 6/2025 pada 20 Februari 2025 melalui platfom Microsoft Teams. Taklimat ini bertujuan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan audit dalaman serta pematuhan kepada keperluan MS ISO 9001:2015, khususnya dalam aspek penilaian prestasi dan penambahbaikan berterusan.

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Sebagaimana yang diketahui pelaksanaan audit dalam korporat ini adalah bertujuan untuk menjawab kepada Klausa 9 dalam MS ISO 9001:2015 iaitu merujuk kepada bahagian mengenai penilaian prestasi yang memerlukan organisasi untuk memantau, mengukur, menganalisis, dan menilai prestasi sistem pengurusan kualiti mereka merentasi pelbagai aspek seperti maklum balas pelanggan, hasil audit dalaman, kajian semula pengurusan dan analisis trend bagi mengenal pasti bidang yang perlu penambahbaikan berterusan.

Selain itu, audit ini juga adalah langkah persediaan bagi menghadapi Pensijilan Semula oleh *Lloyds Register Quality Assurance (LRQA)* yang dijadualkan berlangsung secara fizikal pada 1 – 2 Julai 2025. Sesi tersebut telah disampaikan oleh Prof. Madya Sr Dr. Kartina Alauddin, Ketua Sistem Audit UiTM. Beliau telah membentangkan pelaporan aktiviti Audit Korporat 2025 yang telah dan akan dijalankan mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan. Dimaklumkan bahawa sebanyak 26 PTj yang akan terlibat dengan pelaksanaan Audit Dalam Korporat Bil. 6/2025 yang akan diadakan pada 27 – 28 Ogos 2025.

Audit ini akan melibatkan 42 orang auditor, dengan setiap PTj dianggotai oleh dua hingga tiga orang auditor yang bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penilaian pematuhan sistem pengurusan kualiti.

**Bertemakan “Kepimpinan Teras Kompetensi”, audit kali ini menekankan kepentingan kepimpinan yang kompeten dalam memastikan keberkesanan sistem pengurusan kualiti di UiTM.**

Selain itu, beliau turut menerangkan pelan audit yang akan diguna pakai oleh semua auditor dalam menjalankan tugas mereka. Penerangan ringkas mengenai penggunaan Sistem TeiCA versi 1.7 turut diberikan sebagai *refreshment* kepada para auditor. Sistem TeiCA versi 1.7 akan terus digunakan dalam penghasilan laporan audit oleh para auditor. Sistem ini membantu dalam mempercepatkan dan memudahkan proses dokumentasi serta pemantauan audit, sekaligus meningkatkan kecekapan pelaksanaan audit dalam korporat.

Kepentingan perancangan yang teliti dan kerjasama berterusan dalam menjayakan Audit Dalam Korporat 2025 serta mencapai kecemerlangan dalam pensijilan ISO 9001:2015 adalah keutamaan. Penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran proses audit, seiring dengan matlamat UiTM untuk mengekalkan standard kualiti yang tinggi.

Dengan persiapan yang rapi dan komitmen yang berterusan, diharapkan pelaksanaan audit kali ini akan membawa impak positif kepada sistem pengurusan kualiti UiTM, sekaligus menyokong matlamat institusi dalam meningkatkan kecemerlangan akademik dan pengurusan.

# KUALITI

Edisi Januari - Jun 2025




**HAK CIPTA DAN PENAFIAN**

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا

https://inqka.uitm.edu.my @inqka @inqkauitm @InQKAUiTM InQKA UiTM @inqkauitm6101 @inqka_uitm



eISSN 2976-2596
9 772976 259003